

Perletakkan jawatan Asri TIDAK ADA MASALAH BAGI UMNO

KOTA BAHARU, Isnin — Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob berharap, bakal pengganti tempat Datuk Haji Mohamad Asri Haji Muda sebagai President PAS biarlah tokoh yang liberal dan dapat memberi kerjasama dengan kerajaan.

"Kita tidak mahu pemimpin-pemimpin radikal yang hanya boleh memberi kebaikan kepada parti, tetapi tidak dapat menolong kerajaan," katanya.

Bercakap kepada para pemberita ketika mengiringi Sultan Kelantan melawat pejabat baru Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) di sini, semalam, beliau berkata, "Bagi UMNO perletakkan jawatan Datuk

Asri itu tidak menjadi masalah."

Datuk Haji Mohamad yang juga Timbalan Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan berkata, atas nama peribadinya perletakkan jawatan Presiden PAS secara tiba-tiba itu agak memeranjatkan.

Bellau bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut mengenai kedudukan parti itu selepas pengunduran presidennya.

"Masalah tersebut adalah urusan rumahtangga PAS sendiri," ujarnya.

Bellau berpendapat, pengunduran Datuk Asri itu mungkin berpunca dari perpecahan dalam pucuk pimpinan PAS.

Menurutnya lagi, pengunduran Datuk Asri memang telah diduga oleh UMNO negeri Kelantan, bagaimanapun, ia tidak menjadi sebarang masalah bagi UMNO negeri.

"Kita berharap biarlah bakal pengganti Yang Dipertua Agung PAS itu seorang yang liberal yang boleh membantu kerajaan dalam usaha membangun dan menyatupadukan masyarakat negeri ini khususnya," tambahnya.

Kepada satu pertanyaan, Datuk Haji Mohamad menegaskan, beliau agak dukacita mendengar keputusan Yang Dipertua Agung PAS itu meletakkan jawatan secara mengejut.

Menurutnya, "Memandangkan Datuk Asri telah lama berkhidmat dengan parti itu dan memegang jawatan tersebut, sudah sampai masanya beliau memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin muda."

Katanya lagi, Presiden PAS telah uzur dan jawatan yang dipegangnya mungkin akan membebankan beliau sendiri.